

**KAJIAN PEMBUATAN ALAT MUZIK TRADISIONAL REBAB TIGA  
TALI DI TUMPAT KELANTAN**

**NUR SYUHADA ASMAINI BT MOHD ASARI**

**IJAZAH SARJANA MUDA PENGAJIAN WARISAN DENGAN KEPUJIAN**

UNIVERSITI

2023

MALAYSIA

KELANTAN



UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

**PROJEL PENYELIDIKAN**

**KAJIAN PEMBUATAN ALAT MUZIK REBAB TIGA TALI DI TUMPAT  
KELANTAN**

NUR SYUHADA ASMAINI BT MOHD ASARI

C19A0588

IJAZAH SARJANA MUDA PENGAJIAN WARISAN DENGAN KEPUJIAN

PM KHAIRIL ANWAR DEAN HJ.KAMARUDIN

## PERAKUANTESIS

Saya dengan ini memperakukan bahawa kerja yang terkandung dalam tesis ini adalah hasil penyelidikan yang asli dan tidak pernah dikemukakan oleh ijazah tinggi kepada mana-mana Universiti atau institusi.

**TERBUKA** Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau akses terbuka dalam talian (teks penuh).

**SEKATAN** Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau dalam talian (teks penuh) bagi tempoh yang diluluskan oleh  
Dari tarikh \_\_\_\_\_ hingga \_\_\_\_\_

**SULIT** (Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972)\*

**TERHAD** (Mengandungi maklumat terhad yang ditetapkan oleh organisasi di mana penyelidikan dijalankan)\*

Saya mengakui bahawa Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak berikut :

1. Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Kelantan.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak untuk membuat salinan tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian.

Tandatangan \_\_\_\_\_

Tandatangan Penyelia Utama

960105126004

DR.....

Tarikh: \_\_\_\_\_

Tarikh: \_\_\_\_\_

Nota \* Sekiranya Tesis ini adalah SULIT atau TERHAD, sila kepilkan bersama surat daripada organisasi dengan menyatakan tempoh dan sebab-sebab kerahsiaan dan s

**ISI KANDUNGAN**

<b>PERKARA</b>	<b>MUKA SURAT</b>
<b>PERAKUAN</b>	
<b>PENGHARGAAN</b>	
<b>ISI KANDUNGAN</b>	
<b>ABSTRAK</b>	
<b>BAB 1 PENGENALAN</b>	
1.1 Pengenalan	1-3
1.2 Latar Belakang Kajian	3-4
1.3 Permasalahan Kajian	5
1.4 Persoalan Kajian	6
1.5 Objektif Kajian	6
1.6 Kepentingan Kajian	7
1.7 Skop Kajian	8
<b>BAB 2 SOROTAN KAJIAN</b>	
2.1 Pengenalan	9
2.2 Kajian Lepas	10
2.2.1 Rebab sebagai Alat Muzik Bertali	11

2.2.2 Rebab Tiga Tali 12-15

2.3 Rumusan 16

### **BAB 3 METODOLOGI KAJIAN**

3.1 Pengenalan 17

3.2 Kaedah Kualitatif 18

3.3 Kaedah Pemerhatian 19

3.3.1 Kaedah Perpustakaan 19

3.3.2 Kaedah Laman Sesawang 20

3.3.3 Kaedah Temu Bual 21

3.3.4 Kaedah Soal Selidik 22

3.4.5 Rumusan 22

### **BAB 4 DAPATAN KAJIAN**

4.0 Pengenalan 23

4.1 Kaedah-Kaedah Yang Digunakan 24-27

## Semasa Proses Pembuatan Rebab

4.2	Teknik Permainan Rebab	28
4.2.1	Bersila Lendik	29
4.2.2	Bersila Panggung	29
4.2.3	Cara Memegang Rebab	30
4.2.4	Memegang Rebab	30
4.2.5	Cara Memegang Batang Rebab	31
4.2.6	Memegang penggesek	32
4.2.7	Memasang dan membuka pacat	33
4.2.8	Memetik Tali Rebab	34-35
4.2.9	Persepsi Masyarakat mengenai	
	Alat muzik Rebab	36-45

**BAB 5 CADANGAN DAN KESIMPULAN**

5.0	Cadangan	46-48
-----	----------	-------

**LAMPIRAN  
RUJUKAN**



UNIVERSITI  

---

MALAYSIA  

---

KELANTAN

## PENGHARGAAN

Saya Nur Syuhada Asmaini Bt Mohd Asari bernombor matrik c19a0588 bersyukur ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah dan kurnia-Nya diberikan kesihatan yang baik, masa yang mencukupi untuk menyiapkan projek penyelidikan ini dengan sempurna. Saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih yang tidak terhingga kepada penyelia saya iaitu PM Khairil Anwar Dean Hj.Kamarudin kerana banyak memberi tunjuk ajar, teguran, nasihat, serta membimbing saya menyiapkan tugas ini. Oleh itu beliau sangatlah saya hargai.

Terima Kasih juga kepada semua pensyarah Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan (FTKW) kerana banyak memberi dorongan dan teguran yang mampu membina sahsiah diri agar menjadi mahasiswi yang lebih baik dan bertanggungjawab.

Selain itu, jutaan terima kasih kepada ibu bapa saya yang banyak memberi dorongan dan semangat kepada saya semasa menyiapkan tugas ini. Terima kasih juga yang tak terhingga kepada rakan-rakan seperjuangan saya yang turut memberi kerjasama semasa proses menyiapkan projek penyelidikan ini.

UNIVERSITI  
MALAYSIA

KELANTAN



## ABSTRAK

Kajian ini dijalankan bagi mengkaji tinjauan terhadap pembuatan alat muzik rebab di daerah Tumpat, Kelantan. Kajian ini merangkumi aspek persepsi masyarakat terhadap alat muzik tradisional rebab. Kajian tentang pembuatan alat muzik tradisional rebab dilakukan menggunakan dua kaedah iaitu kaedah kualitatif dan kaedah kuantitatif. Kajian ini melibatkan data primer dan data sekunder termasuklah pemerhatian, temubual, soal selidik, kajian lepas dan rujukan perpustakaan. Segala persoalan dapat dikenalpasti melalui penemuan di akhir kajian menggunakan metodologi kajian tersebut.

## ABSTRACT

This study was conducted to examine the survey on the manufacture of fiddle musical instruments in Tumpat district, Kelantan. This study covers aspects of the community's perception of the traditional fiddle musical instrument. Research on the making of traditional fiddle musical instruments is done using two methods, the qualitative method and the quantitative method. This study involves primary data and secondary data including observations, interviews, questionnaires, previous studies and library references. All questions can be identified through findings at the end of the study using the research methodology.

## **BAB 1**

### **Pengenalan**

#### **1.1 PENDAHULUAN**

Muzik bermaksud satu gubahan bunyi duhasilkan dari bentuk dan irama. Muzik merupakan satu bentuk keindahan dan menyenangkan. Variasi muzik tradisi di Malaysia adalah hasil campuran daripada kepelbagaian di negara ini. Malaysia mempunyai keunikannya dan pelbagai kaum yang majoriti Melayu, Cina dan India serta Bumiputera. Muzik klasik yang ada di Malaysia berkaitan dengan identiti, dimana muzik klasik asas sejarah dan teori perlu kukuh dan biasanya dipelajari. Kumpulan lagu yang tertentu dikenalo sebagai repertoire iaitu berbentuk (genre) yang tertentu. Pemain akan dilatih mengikut cara yang tersusun, bagi proses latihan yang teratur akan dinaungi oleh golongan istana atau agen kerajaan negeri. Tradisi muzik klasik biasanya diketahui oleh sebahagian sahaja daripada komuniti yang tertentu. Muzik rakyat menjadi satu fenomena yang menarik iaitu ketegori muzik yang memberi inspirasi dan menjadi satu dasar kepada muzik klasik yang dikembangkan dalam keadaan Bandar atau dalam istana.

Alat muzik tradisional berfungsi sebagai pemberi maklumat, hiburan dan juga pendidikan. Penggunaan alat muzik tradisional ialah sebagai alat media dalam proses komunikasi. Antara alat muzik tradisional yang terdapat di Malaysia ialah rebab, gambus, serunai, gendang, rebana ubi. Pada zaman dahulu, alat-alat muzik ini digunakan secara tertutup dan khas untuk dipersembahkan kepada raja yang

akan dimainkan di dalam istana sahaja. Kesimpulannya, kajian ini memberi penumpuan alat muzik tradisional dari Negeri Kelantan yang dimainkan dalam Mak Yong yang sememangnya sangat terkenal di Pantai Timur. Alat muzik tradisional ini lebih dikenali sebagai Rebab. Kajian ini adalah bertujuan untuk mahasiswa dan mahasiswi untuk mengenali lebih dekat mengenali.




UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

## 1.2 LATAR BELAKANG KAJIAN

Kelantan sebuah negeri yang terkenal sebagai lubuk budaya. Negeri Kelantan dikenali sebagai gelaran seperti negeri “Cik Siti Wan Kembang”. Kebudayaan tradisi masyarakat Kelantan terpancar daripada warisan kesenian tradisi rakyat dan etnik yang ada di Kelantan. Lokasi kajian yang dilakukan oleh pengkaji adalah di Tumpat Kelantan. Lokasi ini dipilih sebagai tempat kajian pengkaji kerana kedudukannya yang strategik.

Namanya berasal dari bahasa Arab iaitu bermaksud “dimainkan dengan busur”. Rebab ialah sejenis alat muzik kecapi yang berasal dari Afghanistan. Rebab mula di sebar ke Asia Tenggara oleh pedagang Arab melalui jalan perdagangan Afrika Utara, Asia tengah dan sebahagian Eropah. Alat Muzik Rebab juga dikatakan mempunyai pengaruh Timur Tengah. Di negara kita Rebab digunakan di dalam muzik mengiring Mak Yong dan Main Puteri, Menora dan Tarik Selampit.

Latar Belakang kajian ini tertumpu di sebuah daerah di negeri Kelantan iaitu di Kampung Laut daerah Tumpat. Dalam kajian ini, pengkaji menekankan kajian kaedah pembuatan alat muzik tradisional rebab. Jika diketahui rebab mempunyai bahagiannya iaitu terbahagi kepada lima bahagian. Secara morfologi komponen rebab tiga tali disebut sebagai human metaphorical anatomy. Hal ini kerana, rebab dibahagi kepada bahagian kepala, leher tengkok, muka dan kaki.



Gambar 1 : Peta Kampung Laut, Tumpat

Gambar 1 menunjukkan peta lokasi kajian pengkaji iaitu Kampung Laut yang terletak di dalam Daerah Tumpat, Kelantan. Kawasan ini terdapat beberapa tukang pembuat alat muzik yang terkenal. Sebagai contohnya ialah Encik Muhammad Khairul bin Sezali. Contohnya beliau telah berjaya sehingga peringkat antarabangsa. Memasuki pertandingan alat muzik tradisional di Kuala Lumpur juga di Pahang. Ini kerana beliau memiliki kemahiran menukang juga memainkan alat muzik tradisional terutama rebab dan serunai.

### 1.3 PENYATAAN MASALAH

Pengkaji menerangkan maksud permasalahan kajian iaitu isu berkaitan dalam bidang yang hendak dikaji. Dalam kajian ini pengkaji merungkai permasalahan semasa kajian dilakukan iaitu mengkaji berkaitan kaedah-kaedah pembuatan rebab yang menjadikan pengkaji ingin mengkaji secara lebih terperinci.

Selain itu juga, tujuan kajian ini juga pengkaji ingin mengkaji sejauh manakah minat dan daya tarikan golongan muda kini untuk meminati alat muzik tradisional terumanya alat muzik rebab hal ini kerana rebab kini semakin dilupakan dek zaman sekarang lebih banyak alat muzik yang baharu dan canggih. Selain itu permasalahan kajian juga timbul disebabkan kurangnya kajian yang dilakukan mengenai alat muzik rebab terumannya rebab tiga tali yang ada di negeri Kelantan terutamanya.

Dalam kajian ini permasalahan yang hendak ditimbulkan adalah kerana kurang kajian yang dilakukan mengenai alat muzik tradisional ini terutama mengenai proses pembuatan rebab, tujuan kajian ini juga dilakukan untuk mengetahui tentang teknik memainkan alat muzik tradisional rebab secara lebih terperinci. Dalam pada itu, tujuan kajian untuk mengetahui tentang penerimaan masyarakat tentang alat muzik tradisional rebab.

#### **1.4 PERSOALAN KAJIAN**

- 1.4.1 Apakah kaedah-kaedah yang digunakan semasa proses pembuatan alat muzik tradisional rebab.
- 1.4.2 Apakah teknik permainan alat muzik tradisional rebab.
- 1.4.3 Sejauhmanakah penerimaan masyarakat terhadap alat muzik tradisional rebab.

#### **1.5 OBJEKTIF KAJIAN**

Objektif kajian adalah sasaran sebenar penyelidik yang bertujuan khusus untuk mencapai matlamat dan disebabkan itu objektif perlu dinyatakan dengan jelas supaya dapat menunjukkan apa yang hendak dicapai. Secara umumnya , kajian ini adalah bertujuan untuk menjelaskan mengenai kajian pembuatan alat muzik rebab tiga tali.

- 1.5.1 Mengkaji kaedah-kaedah pembuatan alat muzik rebab.
- 1.5.2 Mengkaji teknik permainan alat muzik tradisional rebab.
- 1.5.3 Mengkaji penerimaan masyarakat terhadap alat muzik tradisional rebab.

MALAYSIA

KELANTAN



## 1.6 KEPENTINGAN KAJIAN

Kajian ini amat penting kerana sebagai salah satu usaha untuk memperbanyakkan khazanah alat muzik tradisional. Dengan pmdokumentasian ini diharapkan alat muzik tradisional rebab tidak akan lapuk ditelan zaman, Selain itu, ia juga boleh dijadikan sebagai sumbangan untuk rujukan kepada pengkajipengkaji lain di masa akan datang. Dengan adanya kajian ini diharapkan ia dapat membantu pengkajipengkaji untuk mendapatkan maklumat tentang alat muzik rebab. Peranan pelajar juga terutamanya pelajar dari seni persembahan perlu bersama-sama memperjuangkan kesenian ini yang seakan-akan “hidup segan mati tak mahu” agar mereka diluar sana tahu tentang kewujudan alatan muzik tradisional ini.

Alat muzik tradisional rebab merupakan alat muzik utama yang dimainkan dalam seni persembahan Mak Yong dan sebagainya. Oleh itu , generasi muda diharapkan dapat mengekalkan kesenian yang ada di negara kita supaya tidak dilupa, Rebab kini semakin dilupakan dek zaman kerana zaman sekarang lebih banyak alat muzik yang baharu dan canggih. Akan tetapi, rebab masih digunakan digunakan lagi di negeri Kelantan bagi kegunaan majlis-majlis kebudayaan seperti Makyong, Wayang kulit , Main Puteri dan majlis budaya orang lain.

## 1.7 SKOP KAJIAN

Skop kajian adalah berkaitan dengan kajian kaedah pembuatan alat muzik rebab dimana kajian pemerhatian dilakukan di Kampung Laut Tumpat Kelantan. Dalam skop kajian ini, rebab menjadi salah kajian kerana alat muzik rebab yang kurang dikenali masyarakat hari ini, menjadikan lebih tertarik untuk mengkaji lagi secara lebih mendalam berkaitan alat muzik rebab. Rebab digunakan di dalam muzik Mak Yong, Main Puteri dan pebagai lagi.

Oleh itu, kajian tertumpu kepada beberapa bahagian iaitu mengkaji kaedah pembuatan rebab dan mengkaji teknik memainkan alat muzik rebab seterusnya mengkaji sejauhmana penerimaan masyarakat terhadap alat muzik tradisional Rebab ini. Rebab merupakan salah satu legasi ataupun warisan yang ada di negara kita .Oleh itu pengkaji cuba mencari permasalahan yang timbul bagi mengambil inisiatif untuk mengetahui komponen penting yang terdapat dalam Alat muzik Tradisional Rebab tiga tali ini.

## BAB 2

### SOROTAN KAJIAN

#### 2.1 PENGENALAN

Sorotan kajian lepas dilakukan untuk mendapatkan data mengenai objek kajian dengan membahagikan kepada dua perbincangan iaitu melalui kajian lepas tentang Rebab dan penggunaan teori yang berkaitan dengan kajian ini. Sebelum itu, bab ini merupakan sambungan dari bab 1 iaitu bahagian teori mengenai etnomusikologi yang telah dijelaskan. Teori tersebut mempunyai kaitan dengan kajian yang akan dilakukan serta kajian-kajian yang para sarjana telah jalankan. Pemilihan beberapa orang sarjana tersebut disebabkan faktor kajian yang telah mereka jalankan iaitu dari pembuatan alat muzik, kajian tentang teknik memainkan alat muzik rebab dan penerimaan masyarakat tentang alat muzik tradisional rebab ini. Melalui kajian-kajian ini, pengkaji cuba mendapat maklumat yang berkaitan dengan rebab.

## 2.2 KAJIAN LEPAS

### 2.2.1 REBAB SEBAGAI ALAT MUZIK BERTALI

Kajian ini telah dilakukan oleh seorang tokoh kesenian melayu yang bernama Che' Mat Jusoh Che'Mat Jusoh atau digelar sebagai Che'Mat Jusoh Raja Rebab beliau telah memperjuangkan alat muzik tradisional melayu terutamanya alat muzik Rebab ini. Che' Mat Raja Rebab ini telah berjaya membuat perubahan terhadap sistem penjarian menggunakan note muzik dan mencipta rebab baharu mengguna kaedah baharu. Menurut beliau usaha dan semangatnya dalam mempertahankan alat muzik tradisional adalah penting sebagai satu warisan dan identiti bangsa. Menurutnya, Alat muzik tradisional inilah menjadi satu warisan penting untuk masa depan, jika tidak kita siapa lagi yang hendak mengekalkan warisan ini.

Kajian seterusnya telah dilakukan oleh seorang Pegawai Kebudayaan Kanan, Universiti Malaya (UM) yang juga pemuzik tradisional profesional, Mohd. Asrulfaizal Kamaruzaman. Beliau menyatakan bahawa rebab tonggak utama sesebuah melodi, khususnya dalam persembahan Makyung. Rebab yang memainkan melodi yang lebih lirikal berbanding instrument lain ia seolah-olah alat yang berkata-kata kepada pendengar. Selain itu juga beliau menghuraikan kelebihan yang ada pada alat muzik Rebab ini iaitu dalam mengartikulasikan nada tinggi dan nada rendah seretak, yang mana ini tidak mampu dibuat dengan

alat muzik lain. Maka tak hairan kalau rebab menjadi ‘pembuka’ melodi serta pengenalan dalam persembahan teater.

Melalui artikel “Rebab alat muzik bersusu yang mistik”. Mohd Asrulfaizal memberitahu, Rebab mempunyai komponen utama iaitu badan dan penggesek. “Badan rebab terdiri daripada bahagian yang mirip badan manusia. Ada kepala, leher, telinga (iaitu tuning peg), tempurung iaitu bahagian yang menghasilkan bunyi dan istimewanya rebab ini ia ada apa yang dipanggil susu. Menurut beliau, susu pada badan rebab itu ialah satu bahagian, biasanya diletakkan pada bucu kiri badan, bertindak sebagai peredam bunyi. “Susu ini diperbuat dari ‘belalai sarang lebah kelulut, iaitu lilin dari sarang lebah. Ia berfungsi menghasilkan bunyi rebab yang ‘besar’kasar tapi merdu. Selain itu juga beliau turut menghuraikan serba sedikit berkaitan asal usul Rebab, cara memainkan alat muzik rebab yang betul, malah sini juga beliau turut menerangkan berkaitan perkembangan muzik rebab yang seiringan dengan tarian tradisional Makyong.

Kajian tentang muzik telah dilakukan oleh pengkaji seterusnya iaitu Muhammad Khairul Bin Sezali. Beliau merupakan tokoh dan pakar pembuat Rebab yang disegani. Hampir 15 tahun Muhammad Khairul Bin Sezali telah berkecimpung dalam hasil seni pembuatan alat muzik tradisional rebab. Beliau menyatakan bahawa Alat muzik tradisional rebab merupakan alat muzik utama yang dimainkan dalam seni persembahan Mak Yong dan sebagainya. Beliau yang mahir dan pakar dalam menghasilkan alat muzik Rebab telah berkongsi pengalaman sepanjang pembabitan beliau dalam pembuatan dan pengukiran alat muzik tradisional, banyak pengalaman manis yang dilaluinya. Selain itu juga beliau turut menceritakan kaedah dan cara menghasilkan alat muzik Rebab.

### 2.3 DEFINISI REBAB TIGA TALI

Menurut Roger (2007) Rebab ialah satu alat gesek tanpa fret. Ianya berasal dari Timur Tengah, juga dikatakan sebagai satu legasi ataupun warisan peninggalan terhasil daripada penyebaran agama islam di rantau ini. Ia adalah alat muzik bertali kordofon yang dimainkan seperti biola dalam kedudukan menegak. Merujuk jurnalnya lagi mengatakan bahawa bentuk alat muzik rebab dibangunkan daripada tubuh manusia duduk bersila mengikut konsep orang Jawa.

Dalam falsafah pemikiran orang melayu, rebab adalah di lambangkan kepada seorang perempuan. Dimana adanya badan, kaki, leher, kepala dan juga muka, malah Rebab juga. Oleh sebab itu nama pada setiap bahagian rebab itu mempunyai makna luaran di sebalik itu ada mengandungi makna. Alat muzik Main Puteri yang utama ialah Rebab, iaitu dari keluarga alat muzik Chordofon, berbentuk seperti sebuah gitar bertali tiga, menurut penciptaan alat muzik ini dikatakan telah dipengaruhi oleh alat muzik dari Asia Barat. Kemasukan alat ini ke Asia Tenggara dipercayai dibawa oleh pedagang Arab. Fungsi alat ni ialah sebagai intro kepada lagu, keynote kepada lagu, memainkan melodi bersama nyanyian. Bagi pengaruh lain yang dilihat tentang alat muzik ini ialah aspek morfologinya.

Rebab tiga tali digunakan sebagai alat melodi dalam ensemble Mak Yong. Main Puteri, Menora dan Tarik Selampit yang asalnya berkembang di negeri Kelantan. Dalam Tarik Selampit ianya digunakan sebagai alat gandingan dengan penceritanya yang bergelar Tok Selampit ataupun penglipur lara. Kini alat rebab

tiga tali yang dikategorikan dibawah sistem silk- instrument pada satu ketika dahulu telahpun menggunakan tali-tali gitar akustik yang bersesuaian bagi menggantikan tali-tali dari benang sutera.

Di negeri Kedah terdapat Rebab Tali Tiga yang pernah digunakan dalam permainan Mak Yong Kedah. Tali-talinya masih menggunakan tali-tali yang dipintal daripada benang kapas dan dilaras tidak mengikut pic yang spesi. Ini seolah-olah menyerupai dengan sejenis Rebab yang terdapat di Negara jiran iaitu negara Thailand, dikenali sebagai "Saw Sam Sai". Manakala negeri Kelantan juga pada satu ketika dahulu terdapat sejenis Rebab dua yang pernah digunakan dalam permainan Wayang Kulit Melayu. Ini dikatakan ia mempunyai pengaruh serta ciri-ciri ekustik yang sama terdapat di tanah Jawa, Indonesia. Berkemungkinan besar ianya dari Jawa bagi mengiringi teater Wayang Kulit Melayu yang juga dari Jawa, iaitu yang memusatkan ceritanya kepada epik Mahabna tradisi berkenaan telah pun pupus. Oleh yang demikian apabila fenomena seperti ini berlaku maka ianya bukan sahaja turut menghapuskan sistem muzik bahkan sekaligus dimensi budaya rakyat serta falsafahnya yang amat berkait rapat dengan prinsip ketuhanan serta hubungan manusia dengan alam sebagai prinsip dasar dalam kehidupan.

Di dalam muzik makyung Khususnya rebab adalah menjadi alat yang terpenting kerana rebablah yang akan menjadi penuntun lagu atau pembimbing lagu hingga sesetengah orang menganggapkan bahawa rebab adalah guru lagu atau pamurba lagu. Hal Kerana di dalam kebanyakan lagu, gesekan rebab yang akan memulakan intronya dan barulah di ikuti oleh alat muzik lain dan nyanyian. Pemain rebab pula biasanya dipanggil sebagai jong rebab, bukannya Tok minduk yg tertulis di dalam beberapa penulisan yg lain kerana istilah Tok Minduk hanya terdapat dalam Main puteri sahaja.



Menurut Persatuan Pencinta Sejarah Kelantan, Artikel , Legasi Rebab : Siri Orang kita (2015), Rebab adalah satu instrumen muzik dalam persembahan seperti Makyong, menora, Tarik selampit dan wayang kulit. Bunyi gemersik rebab bila digesek akan membuatkan penonton menjadi asyik dengan persembahan tersebut. Turut dikatakan tanpa gemersik rebab, seakan mencabut nyawa persembahan tersebut. Sebenarnya rebab bukanlah milik eksklusif rakyat Kelantan sebaliknya ia adalah universal. Hal ini berikutan ia mempunyai ciri-ciri yang sama dengan *Er Hu*, *Violin*, dan *Cello* yang termasuk dalam kategori Chordophone iaitu alat muzik yang dihasilkan dengan getaran gesekan. Rebab sendiri berasal dari perkataan arab yang membawa maksud busur. Selain di Kelantan rebab juga popular di Indonesia dan Turki serta Afghanistan yang disebut sebagai tempat asal alat muzik universal ini.

Menurut Azhar Abdul Latif , Identiti Rebab Di Dalam Melayu (2010), Alat muzik tradisional Melayu merupakan alat teknologi dan kebudayaan yang wujud hasil daripada kebijaksanaan masyarakat Melayu mengadaptasi alam sekitar mereka dengan keperluan hidup. Alat seni daya ini berperanan menghasilkan alunan bunyi yang digunakan untuk mengiringi seni persembahan yang memiliki pelbagai fungsi dalam masyarakat. Antara alat teknologi seni persembahan Melayu yang masih wujud dan digunakan sehingga kini ialah rebab (rebab tali tiga) iaitu alat muzik pembawa melodi permainan Makyong, Tarik Selampit, dan Main Puteri. Pengiktirafan teater Makyong sebagai '*a Masterpiece of the Oral and Intangible Heritage of Humanity*' oleh UNESCO pada tahun (2005) pewartaan Akta Warisan Kebangsaan (Akta 645) di Malaysia telah membuka mata pelbagai pihak tentang pentingnya usaha memelihara rebab sebagai artifak warisan tidak ketara negara.



Menurut William P. Malm , Lagu Menghadap *Rebab Makyong Tarian Tradisional Kelantan* ( 2018) , Muzik Makyong yang dikatakan mempunyai pengaruh muzik tradisi timur yang bercirikan keislaman di mana para penonton disajikan dengan bunyi campuran muzik Asia Tenggara dan "Pan Islamic Element" yang dimulakan dengan muzik instrumental iaitu "Rebab" dan diikuti dengan pukulan gendang dan gong mengiringi pelakon masuk ke pentas. Rebab atau dalam bahasa Arab disebut rababah, ini merupakan instrumen pertama yang bertali di dunia, malah kewujudan alat muzik tradisional Eropah iaitu rebec ini juga bernama rebab yang pertama kali muncul di sekitar abad ke-10, dan ini merupakan tunjang utama muzik Arab. Kini, rebab bergerak seiring dengan kemunculan muzik bangsawan Kelantan, iaitu Makyong. Makyong lahir sejak dari zaman istana Melayu Patani lagi kemudian tersebar ke negeri di Timur Semenanjung, terutamanya Kelantan.

Menurut Zety Natamulia Elias, Alat Muzik Tradisional Melayu Satu Keunikan Rebab yang asalnya dari timur tengah. Istimewanya rebab ini apabila ia dibentuk mengikut sistem anatomi manusia yang mempunyai kepala, leher, tengkok, muka dan kaki. Manakala bunyinya pula sering dikaitkan dengan spesies kumbang yang menghasilkan bunyi dengung. Mungkin kerana itulah rebab ini digelar sebagai "Sri Kumbang" oleh masyarakat terdahulu kala.

Dalam penulisan Majid et al. (2021) Rebab Ia adalah alat muzik bertali atau kordofon yang dimainkan seperti biola dalam kedudukan menegak. Komponen-komponen itu dipasang bersama-sama dengan rupa tradisional Thailand Selatan dan Kelantan. Namun begitu, ia mendapati kesukaran untuk membuat “Rebab Kelantan” dalam masyarakat moden. Salah satu sebab utama untuk ini adalah kesukaran untuk mendapatkan bahan mentah. Pengeluaran sangat terhad dan di samping kekurangan pemain Rebab Kelantan, umumnya di Malaysia. Aspek lain ialah kemunculan teknologi baru, yang menghasilkan lebih ramai pengguna berbanding pereka atau tukang dalam pembuatan alat muzik tradisional.

### 3.0 RUMUSAN

Kajian rebab tiga tali yang ada Kelantan dari segi pembuatan dan maksud setiap komponen menjadikan pengkaji berusaha untuk mendapatkan maklumat yang jelas bagi membuat mencapai objektif kajian, namun masih terdapat lompongan dan penjelasan yang kurang tepat khususnya dari segi maksud dan kegunaan alat muzik ini dalam sesebuah persembahan. Oleh itu , usaha yang dilakukan ini adalah kerana ingin memberi penjelasan khususnya kepada golongan muda supaya mereka dapat menghagai setiap warisan tradisional yang ada di Negara terutamanya dari segi alat muzik tradisional.

## BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

### 3.1 PENGENALAN

Kajian adalah kaedah kajian yang dilakukan untuk mendapatkan maklumat tentang sesuatu kajian yang dikaji. Ia juga dikenali sebagai kaedah pengumpulan data. Setiap kaedah yang digunakan boleh dibahagi kepada tiga keadaan iaitu sebelum kajian, semasa kajian, dan selepas kajian. Di samping itu, metodologi kajian merupakan kaedah dan teknik mereka bentuk, mengumpul data, menganalisis bukti yang boleh menyokong sesuatu kajian.

Lanya menjamin kaedah yang digunakan oleh penyelidik dalam kajian ini bersesuaian dengan pembolehubah yang hendak dikaji serta hipotesis- hipotesis yang digunakan dalam kajian ini. Bab ini juga akan menjelaskan tentang metodologi yang digunakan oleh penyelidik untuk menyempurnakan kajian ini. Lanya dibahagikan kepada beberapa bahagian iaitu reka bentuk kajian, subjek kajian, instrumentasi, dan analisis data. Metodologi kajian juga menjelaskan bentuk rangka kerja untuk menjalankan sesuatu kajian. Sementara itu, data-data dan kaedah kajian yang akan digunakan dalam penyelidikan merupakan perkara penting yang perlu diketahui dan dikaji terlebih dahulu sebelum melakukan kajian.

Antara data-data yang digunakan dalam sesuatu penyelidikan pula adalah data kuantitatif, data kualitatif, data primer, data sekunder, data nominal, data ordinal, responden, dan informan. Manakala kaedah kajian yang digunakan pula seperti kajian-kajian lepas, kaedah pemerhatian, kaedah temubual, kaedah soal selidik, kaedah eksperimen, kaedah tinjauan, kaedah rakaman, kaedah analisis daya, kaedah catatan, dan

kaedah lukisan. Perkara-perkara yang akan dibincangkan dalam bab ini juga terdiri daripada kaedah menjalankan kajian pengumpulan data dan penganalisan data.

### **3.2 KAEDAH KUALITATIF**

Kajian kualitatif dipilih kerana pengkaji percaya bahawa melalui sumber kajian in pengkaji dapat mencari bahan secara terus bagi menjawab segala persoalan yang telah dibuat. Kajian kualitatif yang dipilih ialah analisis dari perpustakaan, analisis laman sesawang, analisis rakaman video, analisis melalui temu bual serta kajian lapangan. Manakala bagi kaedah kuantitatif pula tertumpu kepada soal selidik yang dijalankan bagi mengetahui pandangan masyarakat secara umum berdasarkan soalan yang telah dibuat. Penyelidikan kuantitatif juga merupakan pengujian teori yang terdiri daripada pemboleh ubah yang boleh diukur atau dianalisis menggunakan prosedur statistik untuk menentukan sama ada generalisasi yang diramalkan mengikut teori adalah benar (Creswell 2012). Metodologi yang digunakan adalah penting bagi memastikan segala objektif dan persoalan yang telah dirangka dapat dibuktikan. Pengkaji juga yakin bahawa melalui kaedah kualitatif dan kuantitatif ini segala persoalan yang dirangka akan menemui jawapan.

### **3.2.1 KAEDAH PEMERHATIAN**

Melalui pemerhatian pengkaji dapat mengumpulkan maklumat atau data selain soal selidik dan temubual. Pengkaji dapat melihat dan mendengar secara terus alat muzik rebab dimainkan. Dalam kaedah pemerhatian pengkaji menggunakan alat bantuan seperti alat rakaman iaitu kamera video. Melalui kaedah ini juga pengkaji dapat mengumpulkan maklumat secara jelas dan terperinci. Pengkaji telah memilih teknik merekod anekdot iaitu catatan ringkas tentang sesuatu peristiwa yang dianggap penting untuk direkodkan.

### **3.2.2 KAEDAH PERPUSTAKAAN**

Kaedah pertama yang digunakan dalam penyelidikan ini adalah kaedah iaitu kaedah tinjauan perpustakaan. Ia juga merupakan kaedah yang digunakan sebelum memulakan kajian. Tujuan kaedah ini adalah untuk memilih tajuk penyelidikan yang bersesuaian berdasarkan tajuk penyelidikan-penyelidikan terdahulu yang boleh diolah menjadi satu penyelidikan baru dan akan dikaji dari sudut lain. Setelah pemilihan tajuk dilakukan, penyelidik akan mencari bahan-bahan yang bersesuaian dengan tajuk penyelidikan di perpustakaan untuk dijadikan rujukan, panduan, dan mendapatkan maklumat tertentu sepanjang kajian dijalankan. Semasa menjalankan kajian ini, penyelidik akan menggunakan sumber-sumber daripada bahan-bahan bercetak dan bahan-bahan elektronik seperti penggunaan buku-buku rujukan dan mendapatkan maklumat daripada sumber-sumber di internet. Sumber-sumber ini juga dikenali sebagai sumber sekunder. Penyelidik akan merujuk dan mengkaji buku-buku rujukan yang berkaitan dengan tajuk kajian yang dijalankan. Selain itu, penyelidik juga akan mencari kajian-kajian lepas yang berkaitan dengan kajian bagi membuat tinjauan semula sejauh mana topik atau isu berkaitan tajuk kajian telah dilakukan.

Penyelidik juga ingin meninjau sejauh mana kajian lepas mengenai tajuk kajian telah dijalankan oleh penyelidik-penyelidik terdahulu bagi membuat perbandingan dengan keperluan dan kehidupan masa kini. Hal ini bertujuan untuk mendapatkan lebih banyak informasi dan juga maklumat-maklumat tambahan yang boleh dijadikan sebagai input bagi menyempurnakan kajian. Melalui bahan-bahan rujukan yang diperolehi, penyelidik cuba menganalisis dan mengulas bahan-bahan rujukan dan maklumat tersebut. Di samping itu, perpustakaan yang telah dikunjungi oleh penyelidik adalah di perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan di Bachok Kelantan.

### **3.2.3 KAEDAH LAMAN SESAWANG**

Menerusi laman sesawang ini pengkaji telah mencari maklumat tambahan mengenai jenis-jenis rebab, cara menghasilkan alat muzik rebab serta kaedah yang digunakan untuk menghasilkan rebab tiga tali. Terdapat beberapa laman web yang dijadikan rujukan bagi pengkaji untuk mendapatkan informasi dengan lebih jelas antaranya ialah dari Laman Web Rasmi USM portal yang bertajuk “Che’Mat Jusoh Raja Rebab”, dimana dalam laman web ini banyak menerangkan berjuang seorang tokoh tradisional yang banyak mempertahankan kesenian Melayu, yang banyak tertumpu kepada alat muzik Rebab. Pengkaji juga turut menggunakan kaedah laman sesawang ini untuk mencari buku rujukan atas talian dengan menggunakan *Google Book* bagi mendapatkan bahan rujukan secara mudah dan tepat.

UNIVERSITI  
MALAYSIA

KELANTAN



### 3.2.4 KAEDAH TEMU BUAL

Temu bual adalah salah satu kemahiran atau teknik yang digunakan dalam manamana kajian bagi mendapatkan sebarang maklumat penting. Kaedah temubual ini ada tiga bahagian dimana ia berstruktur, separa berstruktur dan tidak berstruktur. Kaedah ini merupakan instrument penting bagi dalam kajian kerana penyelidik mendapatkan maklumat secara terus dari responden. Selain itu bentuk soalan yang dikemukakan oleh pengkaji adalah berdasarkan soalan temu bual separa berstruktur iaitu pengkaji akan bertanyakan beberapa set soalan yang ditetapkan untuk semua informen tetapi pada masa yang sama, pengkaji juga boleh mengutarakan beberapa persoalan lain semasa sesi menemu bual informen. Temu bual yang dijalankan bagi mengumpul data-data yang relevan selari dengan kajian yang dijalankan.



Rajah 1 : Sesi temubual bersama tokoh Rebab Kelantan



### **3.2.5 KAEDAH TINJAUAN SOAL SELIDIK**

Dalam kajian ini, penyelidik turut menggunakan kaedah tinjauan dengan menggunakan soal selidik. Kaedah soal selidik ini digunakan untuk mengumpul maklumat berkaitan dengan persepsi masyarakat. Soal selidik merupakan borang yang menyediakan soalan dalam beberapa bahagian serta ruangan bagi responden untuk dijawab. Terdapat dua jenis soalan bagi membentuk soalan selidik ini iaitu soalan fakta dan soalan pendapat. Pengkaji telah memilih untuk membuat soalan berbentuk fakta iaitu melibatkan soalan yang bertujuan untuk mendapatkan fakta yang berupa pengetahuan responden.

### **3.3 KESIMPULAN**

Bab ini membincangkan mengenai reka bentuk kajian, sampel dan instrumen yang digunakan dalam kajian. Selain itu, penyelidik turut menyertakan kaedah pengumpulan sebelum dan semasa kajian. Analisis ini bertujuan untuk menganalisa maklumat-maklumat yang telah diperolehi melalui pemerhatian, temu bual dan kajian perpustakaan. Pada bab seterusnya, penyelidik akan membentangkan data-data yang diperolehi mengikut pembahagian tema atau objektif.

## BAB 4

### DAPATAN KAJIAN

#### 4.0 PENGENALAN

Bab ini membentangkan hasil dapatan kajian yang diperolehi menerusi instrument soal selidik yang dijalankan ke atas kumpulan responden yang disasarkan. Dapatan kajian ini dianalisis dengan huraian deskriptif bagi melihat frekuensi, peratus serta setiap bahagian. Dapatan kajian ini juga dibentangkan dengan mudah dan jelas serta dipaparkan dalam bentuk jadual dan graf bagi memudahkan pemahaman serta penghuraian yang lebih berkesan. Di dalam bab ini, pengkaji telah membuat penyelidikan dan mencatat segala maklumat yang berkaitan pembuatan alat muzik tradisional iaitu Rebab Tiga Tali Di Kelantan.

Soal Selidik ini dijalankan secara rawak ke atas 30 orang responden di kalangan kumpulan sasaran iaitu penduduk tempatan. Dapatan kajian daripada soal selidik ini meliputi dua bentuk data iaitu data kuantitatif dan data kualitatif.

Dalam dapatan kajian yang dijalankan, bahagian ini membincangkan analisa data dan memaparkan hasil penemuan kajian yang telah dilakukan daripada soal selidik yang telah diisi oleh responden. Data yang telah dimasukkan diproses bagi mendapatkan statistis seperti nilai peratusan, min purata dan taburan kekerapan.

## **4.1 KAEDAH-KAEDAH YANG DIGUNAKAN SEMASA PROSES**

### **4.1.1 PEMBUATAN ALAT MUZIK TRADISIONAL REBAB.**

Rebab merupakan alat muzik tertua dalam sejarah permainan muzik tradisi melayu, dimana Rebab dimainkan dalam persembahan Mak Yong dimana hari ini Mak Yong makin dikenali oleh masyarakat luar negara selepas mendapat pengiktirafan badan dunia sebagai salah satu warisan yang perlu dipelihara dan dijaga. Dahulu orang dari luar negara tidak mengenali alat muzik tradisional Rebab ini apatah lagi Mak Yong, setelah mendapat pengiktirafan oleh Unesco, kini sudah banyak negara mula kenal akan budaya negara kita.

Rebab adalah satu instrument penting dalam menghidupkan cerita Mak Yong. Keunikan Rebab mampu menghidupkan cerita dalam sesebuah persembahan iaitu persembahan Mak Yong. Menurut tokoh Rebab Kelantan, iaitu Muhammad Khairul Bin Sezali, beliau yang berasal dari Kampung Laut, Tumpat Kelantan dimana beliau telah lama bergiat dalam permainan Rebab yang hampir 15 tahun. Menurut beliau lagi seni tradisi melayu ini jugalah yang membawanya menjelajah seluruh pelusuk kampung di Kelantan untuk mengadakan beberapa persembahan di negeri lain.

Kehebatan tokoh Rebab yang mempunyai jiwa seni dalam mengalunkan bunyian dan juga menghasilkan alat muzik tradisional telah membuka mata masyarakat luar dalam dalam negeri sebagai salah satu penggiat seni yang masih memperjuangkan warisan tradisional sampai ke hari

ini. Beliau juga pernah dilantik mengajar di institusi pengajian tinggi, malah beliau juga pernah menjadi mengukir ukiran pada alat muzik Rebab di luar negara seperti Singapura, Republik dan sebagainya.

Rebab merupakan satu alat muzik yang sukar untuk dihasilkan, manakala ketelitian tinggi perlu ada untuk menghasilkan sebuah alat muzik yang bernama Rebab ini, malah dari segi aspek penghasilan bunyi dan suara juga perlukan kemahiran untuk alat muzik bersusu ini. Proses menghasilkan Rebab memerlukan masa selama sembilan hari atau lebih untuk disiapkan, ia juga bergantung kepada ukiran bagi menghasilkan Rebab yang menarik dan kemas. Bahan mentah yang digunakan untuk menghasilkan rebab seperti kayu nangka (Tempurung), kulit tempurung (kulit perut dalam lembu), kayu cengal, rengas (batang dan telinga), sarang kelulut (susu), batang nibong (celi), logan (tok rok), kayu setor (pacat) dan lain-lain bahan tempatan yang boleh diperolehi sekitar kawasan tempat tinggal pembuat rebab.

Rebab ini diperbuat daripada kayu. Bahan utama yang diperlukan dalam pembuatan rebab ialah kayu yang berkualiti. Penggunaan jenis kayu juga penting bergantung kepada tujuan pembuatan Rebab. Pemilihan jenis kayu seperti kayu nangka, cengal dan kayu cengal. Kayu santol biasanya digunakan pada ukiran, hal ini kerana kayu santol jenis kayu lembut. Jenis kayu keras pula digunakan bagi tujuan menghasilkan bunyi yang dikehendaki. Jenis kayu nangka menjadi pilihan utama berbanding kayu lain.

Tempurung rebab merupakan bahagian utama yang diperbuat daripada kayu nangka. Kaedah-kaedah untuk menghasilkan bahagian tempurung Rebab ini terdiri daripada sekeping papan kayu nangka yang telah diketam dan permukaannya licin. Kayu pula akan dipahat sehingga berbentuk tempurung akan

kelihatan seperti bentuk segi tiga dan menirus ke bawah. Bahagian memanjang Rebab pula diperbuat daripada kayu berongga akan ditutupi dengan kulit lembu yang dikeringkan.

Kaedah seterusnya iaitu pembuatan tempurung, bagi proses ini kulit perut lembu atau kerbau. Bahagian kulit nipis perlu digunakan dan dikeringkan bagi menutupi tempurung. Oleh itu, kulit dijemur terlebih hingga kering, ini berfungsi kulit lembu untuk menyelaraskan suara Rebab tersebut. Pada bahagian utama rebab dipanggil badan, setelah badan disiapkan, kaedah kepala Rebab akan dihasilkan, untuk bahagian ini kayu akan dibahagian kepala akan dipotong dengan gergaji mengikut saiz yang dikehendaki. Kemudiannya kertas pasir dan habuk kayu digunakan bagi melicinkan permukaan kayu.

Disamping itu, untuk batang Rebab terdapat “termin”, termin yang diperbuat daripada material aluminium, tembaga atau tanduk pula akan dipasang dipasang dibahagian hujung batang Rebab, ini dapat mengelakkan hujung kayu tersebut daripada rosak atau pecah. Batang Rebab juga perlu ditebuk dengan satu lubang untuk memasukkan batang serunai, manakala proses pembuatan batang serunai Rebab perlu dilarikan dalam bentuk buah, buton dan dipasangkan tiga pemulas ke atasnya. Batang serunai pula akan dilarikkan bagi menghasilkan puting sepanjang 4cm untuk disambungkan ke batang Rebab. Pemulas Rebab pula dipasang pada bahagian batang ‘buton’ iaitu pada batang serunai bagi merengangkan tali untuk pemasangan tali akan dilaraskan pada bahagian yang tepat.

Rebab mempunyai tali pengesek. Tali pengesek diperbuat daripada kayu manakala bentuk pengesek sedikit melengkung. Tali pengesek diperbuat daripada seloka kelapa, pada zaman dahulu seloka kelapa digunakan sebagai tali pengesek untuk Rebab, kini tali tangsi digunakan sebagai ganti untuk tali pengesek Rebab.

Tali tangsi dipilih menjadi tali pengesek kerana tali tangsi lebih kukuh dan tahan lama, malah tali tangsi juga senang dan mudah didapati.

Selain itu, kaedah utama dalam pembuatan Rebab iaitu tali gitar, tali yang sesuai digunakan iaitu tali gitar iaitu tali bernombor empat dan lima. Bahan pada tali gitar ini boleh didapati di kedai-kedai muzik. Perbezaan zaman dahulu dengan kini sangat berbeza dari segi jenis bahan dan alatan. Dahulu, Rebab mempunyai bahagian 'torak', iaitu digunakan menyambung bahagian atas dan bahagian bawah batang Rebab, namun kini Rebab biasanya tidak mempunyai bahagian 'torak'. Ini kerana, proses pembuatan dahulu mereka menggunakan mesin larik kaki.

Alat yang digunakan dalam pembuatan Rebab disenaraikan dalam kajian ini. Untuk menghasilkan Rebab peralatan diperlukan demi memudahkan proses pembuatan tersebut. Antara alatan yang digunakan seperti mata kikir, caliper, pahat kikir mata tajam saiz besar, pahat kikir mata tajam saiz kecil, pahat mata sama, pahat kuku, kapak dan mata tikam rata. Setiap peralatan ini mempunyai fungsinya dan ciri-cirinya yang tersendiri. Oleh itu, pembuatan rebab ini menggunakan alatan yang berikut untuk menghasilkan sebuah rebab yang berkualiti.

Kesimpulannya, Rebab ini dikatakan cukup unik dari segi proses penghasilannya iaitu menggunakan pelbagai jenis kayu seperti tembusu, kayu nangka, kayu sena dan kayu belimbing. Rebab juga mempunyai keunikan dari segi ukiran pada bahagian atas rebab dipanggil kepala rebab yang menyerupai mahkota.

Ukiran rebab berdasarkan kreativiti seseorang untuk mencantikkan hasil lakaran. Hasil lakiran yang unik dan menarik menjadi tarikan ramai. Pada zaman dahulu, dalam menghasilkan sebuah rebab ini perlu patuh akan pantang larang demi menghasilkan Rebab berkualiti, iaitu dikatakan waktu tengah hari tidak dibenarkan menebang pokok secara songsang. Manakala pokok yang telah ditebang tidak boleh dilangkah, aturan pantang larang ini dipercayai oleh masyarakat terdahulu.



## **4.2 TEKNIK PERMAINAN ALAT MUZIK TRADISONAL REBAB**

Rebab merupakan alat muzik bertali yang menggunakan pengesek ia mempunyai tiga utas tali yang diperbuat daripada dawai logam. Bentuk fizikal Rebab terdiri daripada lima bahagian iaitu, bahagian batang, bahagian kepala, bahagian badan, bahagian tumit dan bahagian pengesek. Rebab termasuk dalam ketogeri alat muzik gesek, kerana cara memainkan alat muzik Rebab ini sama dengan cara pengesek. Persembahan yang dilihat memainkan Rebab ini iaitu tarian mengadap Rebab, dimana cara memainkan mempunyai pemain Rebab yang perlu mengesek Rebab menggunakan kayu pengesek iaitu bermula dari arah kiri ke kanan. Pemain biasanya mengesek Rebab menggunakan busur pengesek yang sudah disediakan.

Teknik untuk belajar bermain Rebab secara asasnya mempunyai etika persembahan dan cara duduk pemain Rebab iaitu dengan cara duduk terbaik ialah dengan bersila. Duduk bersila iaitu duduk dengan kedua kaki dilipat ke dalam serta badan ditegakkan. Terdapat dua cara untuk bersila yang digunakan semasa bermain Rebab iaitu.

### **4.2.1 Bersila Lendik**

Kaki kanan dibengkokkan dan diletakkan di bawah paha kiri atau kaki kiri dibengkokkan dan diletakkan bawah paha kaki kanan.

### **4.2.2 Bersila Panggung**

Kaki kanan dibengkokkan dan diletak atas paha kiri atau kaki dibengkokkan dan diletak di atas paha kanan.






Gambar 1: Cara duduk bermain Rebab (Sumber : Internet)

#### 4.2.3 Cara duduk bermain Rebab

Seterusnya cara pemain memegang rebab dan cara bersila panggung ketika bermain rebab. Di antara kedua cara ini, duduk bersila panggung paling sesuai untuk bermain Rebab, dimana menampakkan keterampilan pemain itu sendiri. Kedudukan ini memberi kesan kepada lurusness kedudukan belakang pemain rebab, malah lebih selesa terhadap jari jemari pemain itu sendiri ketika memetik rebab.


Selain itu, kedudukan rebab semasa dimainkan juga ada caranya. Kedudukan rebab semasa dimainkan ialah dengan tegakkan ditengah bahagian hadapan pemainnya atau pun kekiri sedikit. Ia juga boleh bagi pemain meletakkan kaki Rebab di antara kedua kaki pemain yang direnggang pada bahagian betis. Cara ini juga bertujuan menghilangkan lenguh kaki apabila bersila lama.



Gambar 2: Memegang Batang Rebab

#### 4.2.5 Cara memegang batang Rebab

Cara memainkan yang seterusnya ialah memegang batang rebab. Cara yang betul memegang batang Rebab ialah dengan memegang menggunakan pangkal jari telunjuk dan pangkal ibu jari. Memastikan ada sedikit ruang kosong antara batang Rebab dengan tangan yang memegang. Hal ini bertujuan untuk menyenangkan pergerakan naik turun tangan atau ketika menggelek batang rebab. Jangan memegang batang Rebab dengan mencengkak, kerana cara ini akan mengakibatkan jari menjadi kaku semasa memetik dan menyulitkan pemain untuk melakukan beberapa teknik tertentu. Walaupun pemain diberikan kelonggaran memegang rebab semasa tidak bermain dengan mencengkak atau menggenggam.



Gambar 3 : Menunjukkan cara memegang penggesek

#### 4.2.6 Memegang penggesek

Memegang penggesek juga mempunyai cara ianya dengan memegang penggesek dengan cara betul supaya tali penggesek dapat ditegang dan akan menghasilkan bunyian yang betul. Memegang dengan cara meletakkan jari kelingking, jari manis, dan jari hantu di antara kayu penggesek dengan tali penggesek. Jari telunjuk pula berada di kepala kayu penggesek bertindak sebagai penahan apabila ketiga-tiga jari tadi menarik tali penggesek dan ibu jari pula diletakkan ke atas kepala penggesek sebagai pengimbang apabila penggesek ditolak dan ditarik. Pengelangan tangan hendaklah dilonggarkan kerana yang menolak dan menarik bukanlah genggam jari yang memegang penggesek tetap bahagian lengan.



Gambar 4 : Cara memasang pacat pada Rebab

#### 4.2.7 Memasang dan membuka pacat

Memasang dan membuka pacat merupakan cara memainkan rebab, sebelum rebab ditala, terlebih dahulu kekuda atau pacat (bridge) akan dipasang pada permukaan rebab untuk menyangga ketiga-tiga tali. Caranya adalah dengan jari tangan mengangkat tali rebab dan jari kiri pula memasukkan pacat, seterusnya barulah tali rebab tadi diletakkan atas pacat, cara ini dapat menyangga ketiga-tiga tali tersebut.

Apabila rebab selesai dimainkan oleh pemain perlulah disimpan, pacat hendaklah dibuka caranya seperti memasang tadi, Tujuan ini juga untuk menjaga kendur atau boleh terjadi berlekuk akibat tekanan pacat di permukaannya. Selain itu juga, satu perkara yang mesti diberikan perhatian iaitu cara kedudukan pacat di atas permukaan rebab mestilah serong sedikit, dengan kedudukannya dari tapak sebelah kanan. Ini supaya getaran menjadi “terik” (nada tinggi) dan getaran tali Bor menjadi ‘ubar’ ( nada rendah)

#### 4.2.8 Memetik tali Rebab

Teknik memetik tali rebab mempunyai dua cara iaitu menggunakan hujung jari atau dengan menggunakan bahagian pertengahan ruas hujung jari atau dengan menggunakan bahagian pertengahan ruas hujung jari. Kedua-dua teknik ini dikatakan lebih mudah dan tepat. Pergerakan ini dikatakan akan dijadikan pergerakan pencarian yang lebih bebas dan jugadapat menghasilkan suara yang “mangkas”. Oleh itu, susunan tali rebab agak rapat antara satu sama lain maka perlu dipetik ketiga-tiga tali rebab dalam masa yang sama kerana tangan kanan akan menentukan salah satu sahaja tali yang hendak digesek.

#### 4.2.9 Menggesek Rebab



Gambar 5 : Penggesek Rebab

Penggesek rebab dipanggil penggesek. Penggesek merupakan satu alat perintis kepada bunyi iaitu sound initial device bagi Rebab. Batang penggesek diukir dengan begitu halus dan teliti daripada kayu yang terpilih manakala penggesek rebab juga diukir berbentuk huruf ‘S’ terbalik. Masyarakat dahulu

membuat Rebab dengan menggunakan penggesek yang diperbuat daripada pokok kelapa diambil dari pokok kelapa muda, ini bagi menjamin ketahanan serta mudah mendapatkan ukurab yang tepat dan sesuai. Kini, tali penggesek telah ditukar kepada tali tangsi yang halus.

Pemain hendaklah menegangkan tali penggesek semasa memainkan rebab. Sebelum memulakan bermain rebab tali penggesek terlebih dahulu perlu digosok atau disapu dengan damar kayu seperti kemenyan supaya tali penggesek menjadi kesat dan tidak licin. Tujuan ini juga salah satu cara untuk mendapatkan bunyi yang lebih kuat dan jelas apabila rebab dimainkan. Caranya adalah dengan tangan yang memegang penggesek dan menggesek bahagian talinya kepada damar yang bermutu, juga disyorkan menggunakan rosin yang dipakai untuk alat violin dan dapat diperolehi di kedai-kedai menjual peralatan alat muzik.



## 4.3 MENGAJI PERSEPSI MASYARAKAT MENGENAI ALAT MUZIK TRADISONAL REBAB.

### 4.3.1 ANALISI DATA MELALUI SOAL SELIDIK

#### Bahagian A : Data Demografi


##### 1) Jantina

Untuk mengkaji persepsi masyarakat , seramai 30 orang yang terdiri daripada penduduk tempatan.Huraian analisis latar belakang responden melibatkan aspek jantina, umur , bangsa dan taraf pendidikan yang di persembahkan dalam bentuk jadual dan rajah.

JANTINA	NILAI	PERATUS
LELAKI	5	16.1%
PEREMPUAN	26	83.9%

Jadual 1 : Jantina

Berdasarkan graf dan jadual 1 di atas dapat dilihat bahawa jumlah kesemua responden mengikut jantina adalah seramai 30 dimana sebanyak 26 orang responden adalah perempuan ( 83.9%) dab 5 orang adalah responden lelaki ( 16.1%). Kajian ini adalah melihat penerimaan masyarakat terhadap alat muzik tradisional Rebab.



Rajah 1 : Demografi Responden Berdasarkan Jantina



## 2) Umur


UMUR	NILAI	PERATUS
13-18 Tahun (Remaja)	2	6.5%
19-25 Tahun (Belia)	22	71%
26-59 Tahun (Dewasa)	7	22.6%
60 dan keatas (Warga Emas)	0	0%

Rajah 2: Umur

Responden dalam kajian ini terdiri daripada remaja, belia, dewasa dan warga emas. Daripada jadual 2, jumlah subjek pemerhatian adalah seramai 2 orang bagi kelompok usia 13 tahun hingga 18 tahun bersamaan 6.5%, seramai 22 orang bagi kelompok umur 19 hingga 25 tahun iaitu kalangan belia bersamaan 71%, bagi kelompok dewasa iaitu berumur 26 hingga 59 tahun iaitu dewasa bersamaan 22.6%, manakala umur 60 dan keatas iaitu warga emas tiada bilangan iaitu 0 bersamaan 0%

MALAYSIA

KELANTAN




Jadual 2 : Jumlah bilangan dan peratusan responden mengikut umur

### 3) Kaum

KAUM	KEKERAPAN ( Orang)	PERATUS (%)
MELAYU	30	85%
CINA	0	0%
INDIA	1	3.2%
LAIN-LAIN	0	0%

Jadual 3 : Kaum


Rajah 3 menunjukkan demografi responden berdasarkan kaum , Seramai 30 orang bagi kaum yang berbangsa Melayu 30 iaitu bersamaan 85%, 1 orang bagi kaum berbangsa India bersamaan dengan 3.2%, bagi kaum cina dan lain-lain kaum menunjukkan 0 orang serta 0%. Dengan ini, jelas menunjukkan bahawa kaum Melayu yang merupakan penduduk paling mengenali alat muzik Rebab tiga tal ini. Hal ini kerana Rebab merupakan alat tradisional warisan turun temurun.



Jadual 3 : Demografi Respon Berdasarkan Kaum

**Bahagian B : Analisis Terhadap Penerimaan Masyarakat Mengenai Alat Muzik Tradisional Rebab.**

Graf 5 : Penerimaan Masyarakat Mengenai Alat Muzik Rebab tiga tali.



- sangat setuju
- setuju
- sangat tidak setuju
- tidak pasti
- tidak setuju

Jadual 5 : Hasil analisis tahap pengetahuan masyarakat mengenai alat muzik rebab

BIL	PENYATAAN	SANGAT SETUJU		SETUJU		TIDAK PASTI		TIDAK SETUJU		SANGAT TIDAK SETUJU	
1	SOALAN 1	5	15.6%	16	50%	9	28.1%	3	9.4%	1	3.15%
2	SOALAN 2	5	15.5%	19	59.4%	6	18.8%	1	3.1%	1	3.1%
3	SOALAN 3	3	9.4%	11	34.4%	14	43.8%	2	6.3%	2	6.3%
4	SOALAN 4	2	6.3%	16	50%	11	34.4%	2	6.3%	2	6.3%
5	SOALAN 5	6	18.8%	15	46.9%	10	31.3%	2	6.3%	0	0%
6	SOALAN 6	5	15.6%	16	50%	8	25%	3	9.4%	0	0%
7	SOALAN 7	6	19.4%	18	58.15	5	19.4%	2	6.5%	0	0%
8	SOALAN 8	4	12.5%	11	34.4%	11	34.4%	5	15.6%	3	9.4%

Berdasarkan graf di atas jelas menunjukkan tahap pengetahuan masyarakat mengenai alat muzik Rebab, terdapat 8 soalan telah disediakan kepada responden bagi menjawab objektif yang ketiga. Seramai 30 orang responden telah dikumpul hasil dari kajian. Pengkaji telah membuat soalan berbentuk laman web supaya memudahkan bagi responden untuk menjawab soalan yang disediakan.

**Soalan 1 : Rebab alat muzik penting dalam ensemble Mak yong, Main puteri, Menora dan Tarik Selampit.**

Seramai 5 orang sangat setuju bersamaan 15.6% , 16 orang setuju bersamaan 28.1%, tidak pasti seramai 9 orang bersamaan 28.1%, 3 orang tidak setuju bersamaan 9.4% dan sangat tidak setuju 1 orang bersamaan 3.15%. Min purata menunjukkan pengetahuan masyarakat mengenai alat muzik Rebab setuju sebagai satu alat penting yang ada dalam persembahan Mak Yong, Main puteri, Menora dan Tarik Selampit.

**Soalan 2 : Rebab tiga tali merupakan alat muzik tradisional yang ada di negara kita.**

Seramai 3 orang sangat setuju dengan soalan yang diberikan bersamaan 9.4%. 19 orang setuju bersamaan 34.4%, untuk tidak pasti seramai 14 orang bersamaan 43.8%, 2 orang bagi tidak setuju bersamaan 6.3% , bagi sangat tidak setuju menunjukkan seramai 2 orang bersamaan 6.3%. Hal ini dapat membuktikan bahawa alat muzik Rebab masih rendah tahap pengetahuan masyarakat kita, dapat dilihat dari hasil kajian berbezaan antara sangat setuju dan tidak pasti.

**Soalan 3 : Pelbagai jenis Rebab yang ada di dalam negara serta luar negara**

Seramai 5 orang sangat setuju bersamaan 15.5%, 19 orang yang setuju bersamaan 59.4%, seterusnya tidak pasti seramai 6 orang bersamaan 18.8%, bagi tidak setuju seramai 1 orang bersamaan 3.1% manakala sangat tidak setuju 1 orang bersamaan 3.1%. Dengan ini dapat disimpulkan tahap pengetahuan masyarakat tentang jenis alat muzik Rebab yang ada di dalam negara serta luar luar juga menunjukkan pengetahuan yang tinggi masyarakat berkaitan alat muzik tradisional ini.

**Soalan 4 : Alat muzik Rebab dikatakan human metaphorical anatomy kerana mempunyai kepala, leher, muka, kaki dan badan.**

Bagi soalan ini seramai 2 orang sangat setuju bersamaan 6.3% , 16 orang setuju bersamaan 50%, untuk tidak pasti seramai 11 orang bersamaan 34.4%, 2 orang tidak setuju dan sangat tidak setuju juga 2 orang kedua-duanya mempunyai bersamaan 6.3%. Pada soalan dapat dilihat responden lebih ramai pada bahagian setuju hal ini mungkin Rebab menjadi salah satu alat muzik yang unik dan berbeza dgn yang lain menurut dari pandangan mereka.

**Soalan 5 : Pengetahuan tokoh Rebab yang terkenal di daerah Kelantan**

Seramai 6 orang sangat setuju bersamaan 18.8% , untuk setuju 15 orang bersamaan 46.9%, seterusnya bagi tidak pasti menunjukkan 10 orang bersamaan 31.3%, 2 orang tidak setuju iaitu bersamaan 6.3% dan akhir sekali sangat tidak setuju iaitu 0 bilangan dan 0%. Semestinya soalan ini agak rumit dijawab orang sesetengah masyarakat , tapi tidak mustahil jika masyarakat Kelantan ramai mengenali tokoh tokoh alat muzik Rebab ini.



**Soalan 6 : Proses pembuatan rebab memerlukan bahan-bahan yang khas dan ketelitian yang tinggi.**

Bilangan orang bagi sangat setuju ialah 5 orang bersamaan 15.6%, 16 orang setuju bersamaan 50% , untuk tidak pasti seramai 8 orang bersamaan 25%, 3 orang tidak setuju bersamaan 9.4% dan 0 orang sangat tidak setuju bersamaan 0%. Bagi menghasilkan sebuah alat muzik rebab juga sukar kerana alat muzik ini perlu dihasilkan dengan penuh ketelitian bagi menghasilkan sebuah alat yang kemas dan berkualiti.

**Soalan 7 : Setiap alat muzik Rebab mempunyai bahagian dan fungsinya**

Seramai 6 orang sangat setuju bersamaan 19.4%, untuk setuju pula seramai 18 orang bersamaan 58.15% dan tidak pasti seramai 5 orang bersamaan 19.4%, 2 orang bagi tidak setuju bersamaan 6.5% dan 0 orang sangat tidak setuju bersamaan 0%. Soalan ini menunjukkan bilangan setuju paling tinggi, dapat diulas bahawa masyarakat tahu akan fungsi dan bahagian yang ada pada Rebab ini. Alat muzik bertali tiga iaitu Rebab mempunyai fungsi dan bahagiannya, ia mempunyai kepentingan tersendiri sebagai alat muzik tradisional.

**Soalan 8 : Mengetahui teknik memainkan alat muzik Rebab secara asas.**

Seramai 4 orang sangat setuju bersamaan 12.5%, 11 orang sangat setuju bersamaan 34.4% dan 11 orang tidak pasti bersamaan 34.4%. Bagi tidak setuju pula seramai 5 orang bersamaan 15.6%, 3 orang sangat tidak setuju bersamaan 9.4%. Jawapan bagi soalan agak jelas menunjukkan tahap pengetahuan berkaitan cara bermain alat muzik masih sangat ramai tidak tahu. Teknik memainkan alat muzik Rebab ini perlu tahu etikanya dan cara yang betul dalam bermain alat muzik Rebab ini.

## BAB 5

### CADANGAN DAN KESIMPULAN

#### 5.0 PENGENALAN

Bab ini adalah bahagian yang terakhir dalam kajian dimana pada bahagian ini pengkaji telah merumus kajian yang dijalankan dengan memfokuskan pada bahagian kesimpulan hasil. Kesimpulan daripada keseluruhan dapatan kajian didapati melengkapkan lagi struktur kajian yang dilakukan. Dapatan kajian terbahagi dari diperolehi secara langsung atau pun tidak langsung, ia dinilai secara terperinci bagi mengukuhkan data-data yang didapati. Pengkaji telah mengemukakan beberapa cadangan yang akan dikira setelah proses menganalisis ini selesai mengenai alat muzik tradisional rebab. Rebab menjadi satu tarikan untuk pengkaji mengkaji dengan lebih jelas lagi bermula dari awal penghasilannya hinggalah menjadi sebuah alat muzik.

## RUMUSAN KAJIAN

Kajian ini telah dilaksanakan berdasarkan tiga objektif iaitu mengenalpasti kaedah-kaedah yang digunakan dalam pembuatan rebab, mengkaji cara-cara bermain alat muzik rebab dan mengkaji persepsi masyarakat tentang penerimaan alat tradisional rebab. Sememangnya masyarakat kaya dengan seni warisan tradisional. Malaysia terdiri daripada sebuah masyarakat yang berbilang kaum, agama, dan keturunan. Malaysia yang terdiri pelbagai kaum dan pelbagai penganut agama, ini menjadikan Malaysia sebuah negara yang harmoni dan aman damai. Seni muzik yang ada di Malaysia tradisional merupakan warisan seni yang tidak lapuk dalam kalangan etnik di negara kita.

Seni muzik tradisional merupakan warisan turun temurun sesebuah kaum dan mempunyai keunikan tersendiri. Seni muzik tradisional juga bergantung kepada adat dan budaya sesuatu bangsa. Muzik telah dikenali dalam kalangan masyarakat Melayu, sudah banyak alat muzik dicipta dari zaman ke zaman, hingga alat muzik terdahulu masih lagi digunakan hingga hari ini.

## CADANGAN KAJIAN

Bahagian cadangan merupakan bahagian bagi pengkaji mengemukakan cadangan yang dinyatakan dalam permasalahan kajian iaitu berkaitan generasi muda kurang mengetahui tentang kewujudan alat muzik tradisional yang ada di negara kita. Menurut Zapri (2015) Rebab merupakan sejenis alat muzik kebudayaan yang wujud dari hasil idea kreatif masyarakat Melayu. Alat muzik kebudayaan ini juga berperanan dalam menghasilkan alunan melodi yang dapat digunakan dalam mengiringi seni persembahan yang memiliki pelbagai fungsi kepada masyarakat. Rebab tiga tali merupakan alat muzik yang masih digunakan dalam seni persembahan Melayu hari ini, dimana Rebab akan dimainkan dalam persembahan makyong, main puteri, dan tarik selampit. Muzik tradisional penting untuk digunakan sebagai lambang budaya bagi tujuan hiburan dan mengiringi sesebuah upacara serta adat tertentu.

Sebagai satu alat muzik tradisional, rebab sememangnya alat muzik tradisional yang paling bernilai, malah tidak harus dilupakan begitu sahaja. Alat muzik Rebab mempunyai keistimewaan tersendiri dan paling lama di Malaysia. Wajarlah anak-anak muda hari ini mengambil tahu tentang alat muzik tradisional, kerana merekalah yang akan mempertahankan warisan seni tradisional kita, kalau tidak mereka siapa lagi, walaupun perubahan zaman sekali pun warisan kita harus dikekalkan.

Persaingan dan kemunculan alat muzik moden hari ini sedikit sebanyak telah mengubah pandangan masyarakat muda terutamanya. Kemunculan alat muzik moden dianggap lebih menarik berbanding alat muzik tradisional yang dianggap membosankan. Jika dilihat hari ini alat muzik menjadi asing dalam persekitaran hari ini, mereka banyak mengguna pakai muzik moden

berbanding muzik tradisional , oleh, lagu-lagu tradisional atau muzik tradisional sering disisihkan, tidak hairanlah jika disebutkan nama-nama alat muzik tradisional tidak kenal dan tidak tahupun kewujudan alat tradisional ini. Sayang seribu kali sayang, muzik warisan turun menurun makin tidak kenali malahan jika dibiarkan kemungkinan generi muda akan lupa. Dengan ini, jelas menunjukkan bahawa masyarakat sekarang sudah tidak mementingkan seni tradisi yang kian lama dipertahankan oleh masyarakat terdahulu.

Penyelidikan ini juga memberi manfaat kepada masyarakat luar sana untuk mengenali berkenaan alat muzik tradisional rebab ini terutamanya. Diharapkan juga, alat muzik tradisional rebab menjadi satu tarikan baru bagi golongan muda untuk mengenali dan meneruskan perjuangan untuk kekalkan tradisi warisan tradisional ini.

### **CADANGAN GENERASI MUDA SEBAGAI ASPEK UTAMA DALAM MENGEKALKAN WARISAN TRADISIONAL**

Secara umumnya alat muzik ini dianggap satu warisan budaya bangsa dan layak diterima sebagai satu artifak berharga yang perlu dipelihara, dengan memperluaskan fungsi dan kegunaannya. Uniknya pembuatan dan penciptaannya sendiri telah membuktikan tentang kehebatan, kepakaran dan ketelitian pemikiran sesebuah bangsa itu sendiri.

Kekayaan warisan seni yang ada di Malaysia menjadi satu khazanah yang tidak ternilai. Peralatan-peralatan tradisional melambangkan betapa agungnya warisan dan cara hidup kita sebagai masyarakat Melayu. Muzik dapat mengubah kehidupan seharian dari segi seni, irama dan lagu. Muzik

juga dapat dinikmati, dirasakan melalui hati dan perasaan. Alat muzik Rebab semakin dipinggirkan, persaingan dengan muzik moden telah mengubah persepsi masyarakat hari ini. Oleh itu, pengkaji akan menyenaraikan beberapa cadangan supaya alat muzik tradisional ini tidak dilupakan.

Generasi muda merupakan aspek utama dalam mengekalkan warisan tradisional ini. Warisan seni budaya tempatan merupakan khazanah yang tinggi nilainya, oleh generasi era baru inilah perlu dipupuk sejak kecil lagi untuk mengenali berkaitan warisan kita. Generasi baru perlu didedahkan dengan memberi galakan dan memberi ruang serta peluang seluas-luasnya mengenali budaya kita. Sebagai contoh di peringkat sekolah memberi penekanan dengan melaksanakan program muzik di peringkat sekolah iaitu dengan adakan jadual khas untuk memainkan alat muzik tradisional ini. Selain dari itu, peringkat institusi perlu memainkan peranan dalam pergiatkan lagi pembelajaran berkaitan warisan tradisional melayu, agar golongan muda hari ini tidak ketinggalan dalam mempelajari dan kenal dengan lebih dekat lagi berkenaan alat muzik tradisional.

### **CADANGAN MEDIA SOSIAL MEMAPARKAN KEUNIKAN ALAT MUZIK TRADISIONAL**

Selain itu juga, cadangan lain yang boleh dilakukan adalah peranan pihak media. Pihak media merupakan satu peranan paling penting yang boleh diguna pakai dimasa kini. Perubahan zaman ke zaman mencetuskan idea-idea baru bagi pihak media untuk kenal dan promosikan lagi warisan yang ada di negara ke peringkat lebih tinggi dimana kenalkan kepada orang luar dengan memaparkan di televisyen berkaitan keindahan tradisi dan warisan tradisional

yang ada di negara kita. Selain itu juga, media sosial seperti laman sesawang facebook, instagram dan lain-lain dengan menyiarkan video-video menarik berkaitan warisan tradisional kita. Disamping itu, Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan juga perlu bersama-sama mempergiatkan program-program seni, serta pergiatkan bengkel-bengkel pembuatan alat muzik tradisional ataupun kempen-kempen yang mempelajari cara bermain alat muzik tradisional ini kepada masyarakat luar umumnya. Hal ini secara tidak langsung dapat menghidupkan kembali warisan budaya.

### **CADANGAN PERANAN DARI PIHAK KERAJAAN DALAM PENDIDIKAN**

Pihak Kerajaan sangat berperanan dalam memberi kerjasama dalam mengkalkan warisan tradisi kita ini, kerajaan juga boleh menjadikan permainan tradisional sebagai aktiviti kokurikulum di sekolah dan pusat pengajian tinggi dimana, mewujudkan sukatan baru dengan memberi pendedahan berkaitan alatan muzik tradisional, permainan tradisional dan persembahan tarian tradisional, adanya pendedahan di peringkat sekolah ini pelajar kini mengenali permainan tradisional dengan lebih dekat lagi. Pusat pengajian tinggi seperti universiti boleh menjadikan warisan tradisional sebagai salah satu elemen penting dalam pengajian, dimana adanya anjuran program-program kesenian, bengkel-bengkel pembuatan alat muzik, dan sebagainya, ini serba sedikit dapat mendedahkan pelajar untuk lebih mengenali dan minat mempelajari berkaitan warisan tradisional terutamanya alat muzik tradisional ini.



**CADANGAN PIHAK PELANCONGAN MENJADIKAN ALAT MUZIK TRADISIONAL SEBAGAI SATU WARISAN NEGARA YANG BERTERHADU.**

Kementerian pelancongan berparanan dalam pelbagai cara iaitu buku, dokumentari filem, majalah, dan sebagainya dan dipasarkan di pasaran tempatan mahupun luar negara. Pengisian yang menarik perlu diteliti dengan adanya sejarah alat muzik, cara pembuatan, cara memainkan dan langkah kekalkan warisan. Penghasilakn buku-buku dan majalah berkaitan muzik tradisional ini dapat meluaskan lagi ilmu pengetahuan kepada masyarakat dalam negara dan luar negara. Dokementari filem berunsurkan warisan tradisional dengan tunjukkan nilai-nilai warisan terutamanya berkaitan alat muzik tradisional dengan kenalkan keunikan alat muzik khazanah melayu ini sebagai warisan yang bernilai.



## 5.1 KESIMPULAN

Kesimpulannya, rakyat Malaysia memainkan peranan penting dalam penjaga alat muzik tradisional. Anjakan paradigma mestilah kita ambil agar permainan ini tidak dilupakan oleh generasi akan datang. Sesal dahulu pendapatan, sesal kemudian tidak berguna. Janganlah kita merindui alat muzik tradisional rebab ini selepas alat ini pupus ditelan zaman. Oleh itu, langkah mempopularkannya seperti kempen dan pertandingan kebudayaan atau pertandingan orkestra alat muzik tradisional untuk mempertahankannya. Langkah tersebut penting supaya masyarakat mendapat pendedahan dan mempelajari alat muzik tradisional rebab ini yang terdapat di Malaysia. Dengan langkah proaktif tersebut, kita dapat memastikan alat muzik tradisional ini mampu menjadi warisan budaya untuk generasi yang akan datang.

**LAMPIRAN**



Gambar 6 : Bersama tokoh Rebab Kelantan Muhammad Khairul Bin Sezali



Gambar 7 : bergambar bersama alat muzik tradisional Rebab



Gambar 8 : Tokoh Rebab Kelantan Muhammad Khairul Bin Sezali

**RUJUKAN****BUKU**

1. The Department of National Heritage Ministry of Tourism and Culture Malaysia. Mak Yong Malaysian Legacy World Heritage.
2. Kurt sach & hornbostel – klasifikasi alat muzik tradisional – aerophone, chordophone, mambranophone

**JURNAL**

1. Che'Mat Jusoh (2013). Raja Rebab Berjuang Pertahan Muzik Tradisional Melayu
2. Mohd. Asrulfaizal Kamaruzaman (2021) .Rebab Alat Muzik Bersusu
3. Zety Natamulia Elias (2015). Alat Muzik Tradisional Melayu Satu Keunikan Rebab
4. Mietha Fanza (2021), Sejarah, Perkembangan dan Cara memainkan alat muzik Rebab,

**LAMAN SESAWANG**

1. Persatuan Pencinta Sejarah Kelantan ( 2015) , Artikal Legasi Rebab : Siri Orang kita  
<http://pp-sk.blogspot.com/2015/03/legasi-rebab-siri-orang-kito.html>
2. Azhar Abdul Latif (19 Oktober 2010), Identiti Rebab Di Dalam Melayu,  
[http://www.scribd.com/doc/29391151/SENI-MUZIK-DALAM-  
INSTITUSIRAJAMELAYU](http://www.scribd.com/doc/29391151/SENI-MUZIK-DALAM-<br/>INSTITUSIRAJAMELAYU)
3. William P. Malm (2018) Lagu Menghadap Rebab Makyong Tarian Tradisional  
[https://books.google.com.my/books?id=mLCkDwAAQBAJ&pg=RA1PA5&lp  
g=RA1-PA5&dq=william+p.+malm+rebab&source=bl&ots.](https://books.google.com.my/books?id=mLCkDwAAQBAJ&pg=RA1PA5&lp<br/>g=RA1-PA5&dq=william+p.+malm+rebab&source=bl&ots.)
4. FAIZ, F& FAIZ, F. (2021, January 3). Rebab alat muzik `bersusu` yang mistik.  
Utusan Malaysia <https://www.utusan.com.my/gaya/sastera/2021/01/rebab-alat>
5. Legasi Rebab : Siri Orang Kita, Persatuan Pencinta Sejarah Kelantan
6. Cara Bermain Rebab dan aturan Gendang serta nyayian, Youtube, Istana Budaya  
<https://youtube.be/0Zd4TyfwDs0>



UNIVERSITI  

---

MALAYSIA  

---


KELANTAN



UNIVERSITI



MALAYSIA



K

KELANTAN



UNIVERSITI  

---

MALAYSIA  

---

KELANTAN





UNIVERSITI  

---

MALAYSIA  

---

KELANTAN